



ANGKATAN PERTAHANAN AWAM NEGERI
WILAYAH PERSEKUTUAN
JABATAN PERDANA MENTERI
ARAS 3, BLOK 1, MENARA SERI WILAYAH
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62100 PUTRAJAYA

No. Telefon : 03-8881 0469
No. Faks : 03-8881 0470
Web : www.civildefence.gov.my



Ruj. Kami : PA.W. 300-14 Jld. 5 (34)
Tarikh : 23 Oktober 2024

Cawangan Teknologi Maklumat
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Jalan Maktab Perguruan Islam
Sungai Merab
43000 Kajang
Selangor

Tuan/Puan,

**PERMOHONAN UNTUK MENGIKLANKAN KENYATAAN SEBUT HARGA DI LAMAN
WEB ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA BAGI PELUPUSAN SEBUAH
KENDERAAN PROTON WIRA 1.5 GLI (M)**

Merujuk kepada Memo Kelulusan Pelupusan No. Rujukan PA.W.300-14 Jld.5 (20) bertarikh 30 Julai 2024, adalah dimaklumkan bahawa pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Wilayah Persekutuan ingin memohon untuk mengiklankan Kenyataan Tawaran Sebut Harga bagi pelupusan sebuah kenderaan Kereta Sedan Proton Wira 1.5 GLI (M).

2. Sehubungan dengan itu, kami memohon jasa baik pihak tuan/puan untuk memaparkan iklan Kenyataan Tawaran Sebut Harga di Laman Web Rasmi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Tawaran untuk melihat aset tersebut akan dibuka bermula pada 28 Oktober 2024 (Isnin) sehingga 03 November 2024 (Ahad), dan sesi lawatan aset akan ditutup pada jam 5 petang pada hari terakhir.

3. Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan amat kami hargai. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan/puan boleh menghubungi kami di talian 03-88810469.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Sedia Pantas Berintegriti"

Saya yang menjalankan amanah,

KOL. (PA) EFFENDY BIN H. ALI
Pengarah
Angkatan Pertahanan Awam Negeri
Wlayah Persekutuan

No. Sebut harga : WP/001/2024

KEW.PA-27

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**PELUPUSAN ASET ALIH**

Angkatan Pertahanan Awam
Wilayah Persekutuan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 3, Blok 1, Menara Seri Wilayah
Persiaran Perdana, Presint 2
62100 Putrajaya

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	*Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	KERETA SEDAN PROTON WIRA 1.5 GLI (M)	WJS 5594	1	1,500.00
2.				
3.				

* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja

2. Aset boleh dilihat pada 28 Oktober 2024 (Isnin) hingga 03 November 2024 (Ahad) di antara jam 08:00 pagi hingga 05:00 petang di Pejabat Daerah Pertahanan Awam Kuala Lumpur, Jalan Padang Tembak, 50556 Kuala Lumpur.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga WP/001/2024 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

Angkatan Pertahanan Awam
Wilayah Persekutuan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 3, Blok 1, Menara Seri Wilayah
Persiaran Perdana, Presint 2
62100 Putrajaya

5. Tarikh tutup sebut harga pada 03 November 2024 (Ahad) jam 05.00 petang. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

(Tandatangan Ketua Jabatan)

Alamat:

Tarikh:

Cap:

KOL. (PA) EFFENDY BIN ALI

PENGARAH ANGKATAN PERTAHANAN AWAM NEGERI
WILAYAH PERSEKUTUAN

23/10/2024



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

Nota : Syarat-syarat sebutharga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.